

Jurnal Personalia Pelajar 19(2)(2016): 9 - 15

Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia : Satu Panduan
untuk Industri
(*Career Selection Factors among University Students: A Guide for Industry*)

MOHD HELMI ALI, AZMAN ISMAIL, NORHIDAYAH SULEIMAN & MOHAMMAD AZRUL
TAJUDDIN

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneroka dan mengenalpasti 20 faktor pemilihan kerjaya di kalangan pelajar pra-siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebanyak seratus lima puluh responden dari empat bidang pengajian, jantina dan bangsa, telah melengkapkan soal selidik berkaitan faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka pada masa akan datang. Secara spesifiknya, terdapat enam faktor penting yang terdapat perbezaan telah dikenalpasti. Faktor pemilihan kerjaya dikalangan jantina juga menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding pemilihan berdasarkan aspek bangsa. Keputusan analisis jelas menunjukkan bahawa pelajar pra-siswazah tidak yakin dengan penggunaan ijazah mereka dalam memilih kerjaya.

Kata kunci: Pemilihan kerjaya, pra-siswazah, Malaysia

ABSTRACT

This study explored and identified 20 career selection factors among undergraduate students in Universiti Kebangsaan Malaysia. One hundred and fifty respondents from four different courses, gender and races, completed a questionnaire regarding factors that influence their choice for a future career. Specifically, six important factors have been identified as being significantly different. Career selection factors among gender also showed significantly different compared to races aspect. The results clearly show that undergraduate students are not confident with the factor of their degrees in choosing a career.

Keywords : Career selection, undergraduates, Malaysia

PENGENALAN

Untuk mahasiswa, jawapan “Apa bidang pengkhususan awak” akan lebih menjurus kepada bidang kerjaya yang akan diceburi selepas graudasi. Bidang pengkhusuan diibaratkan titik awal trajektori kerjaya (Scott and Ciani 2008).

Namun yang demikian, hujah berkenaan pengaruh bidang pengkhususan dalam menentukan pemilihan kerjaya didapati tidak sejagat. Contohnya, kajian Lichtenstein et al., (2009) membuktikan bahawa bukan semua pelajar yang mengkhusus dalam bidang kejuruteraan berakhir dengan karier sebagai jurutera. Dapatan kajian ini mengaitkan pemilihan kerjaya di kalangan mahasiswa bersandar kepada banyak faktor, seperti pengalaman dan pengetahuan yang terhad dalam bidang kerjaya, kejayaan program latihan amali, dan pengaruh dari luar seperti nasihat dari mentor dan ibu bapa. Tambahan lagi, mahasiswa kurang dibekalkan dengan panduan yang nyata dalam membuat dalam pemilihan kerjaya.

Richardson (2009) telah menjalankan kajian ke atas sebanyak dua puluh faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya diuji di kalangan mahasiswa yang mengkhusus dalam bidang pelancongan dan hospitaliti di Australia. Kajian beliau mendapati terdapat beberapa faktor utama seperti “kerjaya yang menyeronokkan”, “persekitaran kerja yang menyenangkan”, dan “pekerjaan yang tetap” menjadi kepentingan utama untuk pelajar dalam pemilihan kerjaya. Kajian tersebut juga menunjukkan industri pelancongan dan hospitaliti di Australia tidak responsif terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya yang dianggap penting di kalangan pelajar. Justeru, mengakibatkan industri pelancongan dan industri di seluruh dunia dan secara khususnya di Australia menghadapi masalah dalam mendapatkan dan melestarikan perkerja yang berkualiti.

Dalam menjawab fenomena faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan mahasiswa, banyak kajian telah dilakukan. Kajian lepas telah mengenalpasti pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan mahasiswa (Paolillo and Estes 1982; O’Connor and Kinnane 1961; Felton, Buhr, and Northey 1994). Kajian-kajian ini banyak menggunakan rangka kerja tiga dimensi merangkumi: (1) faktor intrinsik, (2) faktor ekstrinsik, dan (3) faktor personaliti yang diperkenalkan oleh Carpenter and Foster (1977). Namun yang demikian, kajian yang menggunakan pendekatan konstruk dapati menjawab permasalahan secara longitudinal dan bertumpu kepada kekuatan konstruk dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya. Meskipun, faktor-faktor pemilihan

kerjaya diambil kira secara holistik dan dianalisis dalam kajian terbabit, kepentingan faktor-faktor adalah tidak homogen bagi setiap mahasiswa. Justeru, menganalisis faktor-faktor secara konstruk tidak mampu menunjukkan kepentingan faktor-faktor secara individu. Tambahan lagi, penggunaan kajian yang bersifat konstruk sebegini adalah terhad kepada pihak industri. Justeru, menyukarkan industri untuk menyediakan peluang kerjaya yang lebih lestari

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan mahasiswa. Tambahan lagi, kajian ini bertumpuan untuk meneroka perbezaan faktor-faktor pemilihan kerjaya di kalangan tiga demografi: (1) jantina, (2) bangsa, dan (3) bidang.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Borang kaji selidik digunakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaji selidik yang digunakan dalam kajian ini diserap daripada kajian lepas (cth. Richardson 2009; Kusluvan and Kusluvan 2000) yang menggunakan sampel daripada mahasiswa dalam bidang pelancongan dan hospitaliti di Turki dan Australia setiap satu. Berdasarkan kepada dua kajian ini, sebanyak 20 faktor yang didapati penting dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya disenaraikan untuk kajian di kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam kajian ini, setiap mahasiswa diminta untuk memberikan maklumbalas mengenai kepentingan setiap faktor dalam mempengaruhi pilihan kerjaya pelajar. Setiap faktor diberikan tiga skala pilihan, ‘Sangat Setuju’, ‘Sederhana’, dan ‘Tidak Setuju’. Bagi menentu ukur faktor-faktor yang dianggap penting dalam di kalangan mahasiswa, sebanyak 350 borang kaji selidik diedarkan kepada mahasiswa di kalangan empat bidang pengajian: (1) Akaun, (2) Pengurusan, (3) Farmasi, dan (4) Pergigian, melalui pensyarah setiap bidang pengajian. Hanya 173 daripada borang yang diedarkan dikembalikan yang mewakili 49 peratus kadar maklumbalas. Namun, sebanyak 23 daripada maklumbalas didapati tidak lengkap dan dikeluarkan daripada analisis seterusnya. Oleh yang demikian, hanya 150 maklumbalas yang digunakan untuk analisis dalam kajian ini.

Maklumbalas lengkap yang diterima dikod kedalam program Microsof Excel dan dieksport ke program “Statistical Package for Scocial Science” (SPSS) 20 untuk analisis seterusnya. Analisis statistik dijalankan atas data bagi mengenalpasti kepentingan untuk setiap faktor dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya. Bagi menjawab samaada terdapat perbezaan dalam faktor-faktor pemilihan kerjaya di antara kumpulan demografi, analisis ANOVA digunapakai. Menurut Hair et al. (2014), ANOVA pada kebiasaanya digunakan untuk menilai perbezaan signifikan diantara dua atau lebih sampel min pada satu pembolehubah bersandar. Hipotesis nol untuk analisis ini ialah perbezaan di antara nilai min ialah sifar. Perbezaan yang signifikan terbukti sekiranya tahap signifikan

kurang daripada 0.05.

DAPATAN KAJIAN

Demografi responden kajian

Analisa demografi dibuat dan maklumat berkenaan demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Majoriti responden kepada kajian ini ialah mahasiswi (79.3 peratus). Dari segi bangsa, 62 peratus daripada responden ialah Melayu, diikuti India 30.7 peratus dan Cina sebanyak 7.3 peratus. Bilangan responden dari bidang pengajian agak sama dilingkungan 25 peratus setiap bidang.

JADUAL 1. Taburan Demografi (N=150)

Variabel	Kategori	Sampel (%)
Jantina	Lelaki	20.7
	Perempuan	79.3
Bangsa	Melayu	62
	India	30.7
	Cina	7.3
Bidang Pengajian	Akaun	26.7
	Pengurusan	26.7
	Farmasi	23.3
	Pergigian	23.3
Tahap pendidikan	SPM	66
	Diploma	28.7
	Ijazah	5.3

Faktor-faktor penting pemilihan kerjaya di kalangan pelajar UKM

Hasil analisis menunjukkan secara umum pelajar menilai kepentingan bagi setiap faktor kerjaya, disamping hanya sebilangan kecil menaksir faktor-faktor yang dikemukakan sebagai tidak penting.

Seperti yang dipapar dalam Jadual 2, faktor pemilihan kerjaya yang paling penting kepada pelajar adalah “suatu pekerjaan yang dihormati” (95%).

Menurut analisis berdasarkan jumlah pelajar yang memilih sangat setuju atas kepentingan faktor pemilihan kerjaya, lima faktor boleh dikategorikan dalam kumpulan yang sama mengikut “suatu pekerjaan yang dihormati” : (1) “Pekerjaan yang tetap” (54.7%), (2) “Pekerjaan yang mempunyai banyak faedah sampingan” (54%), (3) “Ganjaran besar berbanding pengalaman kerjaya” (52.7%), (4) “Prospek kenaikan pangkat yang bagus” (50%), dan (5) “Beban kerjaya

yang munasabah” (49.3%). Manakala, faktor yang dinilai sebagai tidak penting melebihi 10 peratus daripada pelajar adalah “Suatu pekerjaan yang mudah digabungkan dengan tanggungjawab keibubapaan” (33.3%).

Kepentingan analisis bahagian ini adalah untuk memahami kepentingan faktor yang diambil kira oleh pelajar dalam pemilihan kerjaya. Fakta yang dapat difahami ialah, hanya 6 faktor yang dinilai sangat penting (>50%) oleh pelajar (Suatu pekerjaan yang dihormati, Pekerjaan yang tetap, Pekerjaan yang mempunyai banyak faedah sampingan, Ganjaran besar berbanding pengalaman kerjaya, dan Prospek kenaikan pangkat yang bagus). Selain daripada faktor yang dinyatakan, faktor-faktor pemilihan pekerja yang lain dianggap sebagai sederhana yang mana dianggap oleh pelajar adalah perkara-perkara asas yang disediakan oleh industri.

JADUAL 2 : Kepentingan faktor pemilihan kerjaya di kalangan pelajar UKM

Faktor pemilihan kerjaya	Kepentingan apabila memilih satu kerjaya (%)		
	Sangat Setuju	Sederhana	Tidak Setuju
1. Suatu pekerjaan yang dihormati	95	5	0
2. Pekerjaan yang tetap	54.7	44.6	0.7
3. Pekerjaan yang mempunyai banyak faedah sampingan	54	45.3	0.7
4. Ganjaran besar berbanding pangalaman kerjaya	52.7	46.6	0.7
5. Prospek kenaikan pangkat yang bagus	50	47.3	2.7
6. Beban kerja yang munasabah	49.3	50.7	0
7. Gaji permulaan yang baik	34	66	0
8. Suatu pekerjaan yang menawarkan peluang-peluang pendidikan dan latihan yang lebih tinggi	27	71.7	1.3
9. Satu pekerjaan dengan peralatan dan sumber yang berkualiti	19.3	78.7	2
10. Rakan sekerja yang saya boleh bergaul	18.7	80	1.3
11. Mobiliti kerja — mudah untuk mendapat suatu pekerjaan di mana saja	18	80.7	1.3
12. Suatu pekerjaan yang saya dapati menyeronokkan	15	83	2
13. Suatu pekerjaan yang memberi saya tanggungjawab	14	82.7	3.3
14. Satu pekerjaan di mana saya boleh menjaga yang lain	12	87.3	0.7
15. Satu pekerjaan di mana anda mendapat kemahiran-kemahiran boleh dipindah milik	10.7	88	1.3
16. Satu pekerjaan di mana saya akan menyumbang kepada masyarakat	10	87.3	2.7
17. Satu pekerjaan di mana saya boleh menggunakan ijazah universiti saya	10	90	0
18. Satu kerjaya yang memberikan cabaran intelektual	8.7	90.6	0.7
19. Persekitaran kerja menyenangkan	8.7	90.6	0.7
20. Suatu pekerjaan yang mudah digabungkan dengan tanggungjawab keibubapaan	2.7	64	33.3

Seperti yang dinyatakan Jadual 3, Ujian t berdasarkan sampel berpasangan menunjukkan secara majority faktor-faktor pemilihan kerjaya di kalangan pelajar UKM berbeza seperti yang dibuktikan melalui tahap signifikan yang kurang daripada nilai kritikal .05. Hanya lima faktor yang tidak berbeza secara signifikan: (1) Pekerjaan yang tetap, (2) Pekerjaan yang mempunyai banyak faedah sampingan, (3) Ganjaran yang besar berbanding pengalaman kerjaya, (4) Beban kerja yang munasabah, (5) Gaji permulaan yang baik

Daripada analisis ANOVA yang bertujuan meneroka sekira terdapatnya perbezaan pendapat dalam kumpulan yang berbeza, dapatan menunjukkan terdapat margin yang signifikan. Analisis ANOVA yang pertama mengkaji perbezaan pendapat di antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap faktor pemilihan kerjaya. Pejar lelaki dan perempuan melihat faktor-faktor pemilihan kerjaya dari sudut yang berbeza apabila separuh (10) faktor kerjaya mempunyai perbezaan yang signifikan. Faktor yang dilihat sudut berbeza ialah : (1) Satu

pekerjaan dengan peralatan dan sumber yang berkualiti ($f=2.524, p=.032$), (2) Suatu pekerjaan yang saya dapati menyeronokkan ($f=6.04, p=.03$), (3) Suatu pekerjaan yang memberi saya tanggungjawab ($f=2.69, p=.017$), (4) Satu pekerjaan di mana saya boleh menjaga yang lain ($f=7.14, p=.001$), (5) Satu pekerjaan dimana anda mendapat kemahiran-kemahiran boleh dipindah milik ($f=6.30, p=.001$), (6) Satu pekerjaan di mana saya akan menyumbang kepada masyarakat ($f=2.68, p=.017$), (7) Satu pekerjaan di mana saya boleh menggunakan ijazah universiti saya ($f=7.54, p=.001$), (8) Satu kerjaya yang memberikan cabaran intelektual ($f=3.60, p=.004$), (9) Persekitaran kerja menyenangkan ($f=2.33, p=.046$), dan (10) Suatu pekerjaan yang mudah digabungkan dengan tanggungjawab keibubapaan ($f=4.47, p=.001$). Perbezaan yang besar yang didapati daripada analysis di antara jantina dalam memilih kerjaya menyokong hasil kajian lepas (Wilson, Kickul, and Marlino 2007; Correll 2001).

Analisis ANOVA yang kedua bertujuan untuk

JADUAL 3. Perbandingan faktor pemilihan kerjaya antara kumpulan

		ANOVA		
		Jantina	Bangsa	Bidang
1	Suatu pekerjaan yang dihormati	1.44(.239)	1.605(.205)	6.46(.162)
2	Pekerjaan yang tetap	0.72(.563)	1.899(.132)	1.67(.176)
3	Pekerjaan yang mempunyai banyak faedah sampingan	0.48(.769)	1.503(.193)	0.55(.742)
4	Ganjaran besar berbanding pangalaman kerjaya	0.644(.632)	1.404(.263)	1.62(.174)
5	Prospek kenaikan pangkat yang bagus	0.956(.434)	1.176(.324)	3.73*(.006)
6	Beban kerja yang munasabah	0.481(.696)	0.928(.429)	0.474(.701)
7	Gaji permulaan yang baik	0.817(.917)	2.517(.084)	0.302(.74)
8	Suatu pekerjaan yang menawarkan peluang-peluang pendidikan dan latihan yang lebih tinggi	2.048(.11)	1.189(.316)	4.67*(.004)
9	Satu pekerjaan dengan peralatan dan sumber yang berkualiti	2.524*(.032)	1.408(.225)	6.07*(.001)
10	Rakan sekerja yang saya boleh bergaul	1.688(.161)	0.577(.68)	6.10*(.001)
11	Mobiliti kerja — mudah untuk mendapat suatu pekerjaan di mana saja	0.989(0.4)	1.253(.293)	3.38*(.002)
12	Suatu pekerjaan yang saya dapati menyeronokkan	6.04*(0.03)	0.101(.904)	11.31*(.001)
13	Suatu pekerjaan yang memberi saya tanggungjawab	2.69*(0.017)	1.475(.191)	17.95*(.001)
14	Satu pekerjaan di mana saya boleh menjaga yang lain	7.14*(0.001)	1.275(.285)	7.52*(.001)
15	Satu pekerjaan dimana anda mendapat kemahiran-kemahiran boleh dipindah milik	6.30*(0.001)	3.297*(.022)	3.735*(.013)
16	Satu pekerjaan di mana saya akan menyumbang kepada masyarakat	2.68*(0.017)	1.033(.406)	10.28*(.001)
17	Satu pekerjaan di mana saya boleh menggunakan ijazah universiti saya	7.54*(0.001)	0.168(.845)	12.18*(.001)
18	Satu kerjaya yang memberikan cabaran intelektual	3.60*(0.004)	1.631(.155)	3.07*(.012)
19	Persekitaran kerja menyenangkan	2.33*(.046)	0.823(.535)	3.29*(.008)
20	Suatu pekerjaan yang mudah digabungkan dengan tanggungjawab keibubapaan	4.47*(.001)	2.20*(0.06)	15.73*(0.001)

Nota: signifikan >0.05

mencari perbezaan signifikan dalam faktor pemilihan kerjaya dikalangan perbezaan bangsa. Daripada hasil dapatan, hanya dua faktor yang mempunyai margin yang signifikan iaitu “Suatu pekerjaan dimana anda mendapat kemahiran-kemahiran boleh dipindah milik” ($f=3.297$, $p=.022$) dan “Suatu pekerjaan yang mudah digabungkan dengan tanggungjawab keibubapaan” ($f=2.20$, $p=0.057$). Dapatan ini menyokong kajian lepas yang mendapati tiada perbezaan dalam pemilihan kerjaya antara bangsa (Fouad and Byars-Winston 2005; Hackett and Betz, Nancy 1995). ANOVA analisis juga dilakukan untuk meneroka seandainya terdapat perbezaan yang signifikan dalam faktor pemilihan

kerjaya berdasarkan kepada bidang pengajian pelajar UKM. Hasil dapatan menekankan secara umum faktor pemilihan kerjaya berbeza dan bergantung kepada bidang pengajian. Hanya enam faktor pemilihan kerjaya yang tidak berbeza iaitu; (1) Satu pekerjaan yang dihormati (2) Pekerjaan yang tetap, (3) Pekerjaan yang mempunyai banyak faedah sampingan, (4) Ganjaran besar berbanding pangalaman kerjaya, (5) Beban kerja yang munasabah, dan (6) Gaji permulaan yang baik.

PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti

personaliti mahasiswa UKM dalam pemilihan kerjaya. Secara amnya, kajian ini menawarkan lanskap yang holistik personaliti mahasiswa UKM dalam memilih kerjaya di masa hadapan. Kajian ini menekankan dua pandangan iaitu (1) faktor-faktor pemilihan kerjaya yang dibincangkan dengan lebih mendalam berbanding kajian berbentuk konstruk yang berdasarkan konsep berdasarkan konstruk, dan (2) terdapat perbezaan dalam keutamaan dalam faktor pemilihan kerjaya. Secara spesifik, sebanyak enam faktor yang memainkan peranan yang sangat penting kepada mahasiswa UKM yang mempunyai kaitan rapat dengan matlamat secara pendek. Sebagai contoh, perkerjaan yang dihormati dilihat sebagai faktor yang paling penting kepada mahasiswa UKM. Reputasi pekerjaan yang diterima dari segi aspek agama, kebudayaan, dan sivik sangat dominan menunjukkan bahawa mahasiswa UKM mempunyai latar belakang dan sendiri yang baik. Selain itu, faktor-faktor yang mempunyai impak dalam jangka masa pendek juga dikadarkan penting dikalangan mahasiswa UKM. Faktor seperti: pekerjaan yang tetap, ganjaran dan faedah yang sampingan, dan prospek kerjaya yang bagus, memberikan panduan yang penting kepada industri berkenaan tanggapan dan harapan mahasiswa UKM terhadap alam pekerjaan yang bakal diperolehi selepas bergraduasi. Bertepatan dengan prospek kerjaya dikalangan graduan berijazah yang mempunyai kelayakan dan kompetensi yang tinggi, faktor yang berkait rapat dengan imbuhan yang lebih besar menjadi faktor-faktor terpenting dalam pemilihan kerjaya.

Secara ironi, dapatan berkenaan penggunaan ijazah dalam memilih kerjaya tidak mendapat skor yang tinggi dikalangan mahasiswa UKM. Dapatan ini menyokong kajian Lichtenstein et al. (2009). Dapatan ini boleh dijustifikasi dengan mahasiswa UKM mendapati bahawa ijazah dan kompetensi yang diperoleh cukup untuk digunakan dalam mana-mana industri yang menawarkan pulangan yang lebih lumayan. Ataupun, mahasiswa UKM menganggap bahawa ijazah yang diperoleh hanyalah satu fasa yang perlu dilalui dalam hidup dan tidak menjadikan kelulusan dan kompetensi yang diperoleh di universiti sebagai kriteria yang penting dalam menentukan bidang kerjaya.

Tambahan lagi, faktor “suatu pekerjaan yang mudah digabungkan dengan tanggungjawab keibubapaan” menguatkan hujah bahawa mahasiswa menilai faktor-faktor pemilihan kerjaya dengan bermatlamat pendek. Sebanyak 33.3% tidak bersetuju dengan faktor melibatkan tanggungjawab keibubapaan yang mempunyai kaitan rapat dengan visi jangka panjang yang bakal menjadi faktor penting dalam pemilihan kerjaya.

Bagi kajian perbezaan di antara kumpulan, dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian lepas yang menekankan terdapat perbezaan dalam pemilihan kerjaya dikalangan jantina (Correll 2001). Separuh daripada faktor-faktor dinilai secara berbeza dikalangan mahasiswa dan mahasiswi UKM. Dari aspek bangsa, faktor-faktor pemilihan kerjaya juga didapati tidak banyak berbeza dikalangan mahasiswa UKM. Dapatan ini menunjukkan bahawa mahasiswa di UKM mempunyai nilai latar belakang kebudayaan dan jatidiri yang dikongsi.

Namun yang demikian, perbezaan yang ketara dapat dilihat apabila analisis dijalankan dari konteks bidang pembelajaran. Dalam menilai dapatan ini, pemahaman Skatova dan Ferguson (2014) diambilkira yang pemilihan bidang pembelajaran di universiti. Faktor perbezaan ini adalah didorong oleh sampel pelajar dalam kajian ini. Sebagai contoh, bidang pengajian farmasi dan pergigian adalah satu bidang yang lebih menjurus kepada keperluan kerjaya yang lebih terhad. Berbanding dengan bidang pengajian dan pengurusan yang lebih bersifat umum. Secara relatif, mahasiswa dari bidang farmasi dan pergigian lebih fokus dalam menilai faktor-faktor dengan adanya perbandingan dengan industri perubatan dengan lebih jelas.

Dapatan daripada kajian ini penting kepada industri dan universiti sebagai panduan dalam menyediakan kerjaya yang bersesuaian dengan latihan yang diberikan. Secara jelas, faktor yang mempunyai kesan jangka pendek, sebagai contoh, pekerjaan tetap, gaji, imbuhan dan prospek kerjaya yang jelas menjadi fokus kepada industri dalam memperolehi pekerja yang sesuai secara lestari. Tambahan lagi, universiti yang bertindak sebagai pembekal tenaga kerja (mahasiswa) kepada industri perlu menekankan faktor-faktor jangka panjang seperti latihan dalam pekerjaan, sumbangan kepada masyarakat, cabaran intelektual, dan tanggungjawab keibubapaan, yang tidak kurang pentingnya dalam pemilihan kerjaya.

KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini mengesahkan enam faktor utama dalam pemilihan kerjaya dikalangan mahasiswa UKM dipersetujui secara konsensus. Tambahan lagi, terdapat beberapa faktor-faktor pemilihan kerjaya yang dinilai secara berbeza dari segi aspek jantina dan bidang pengajian.

Namun yang demikian, penafsiran dapatan kajian ini perlu dilakukan dengan kritis disebabkan beberapa faktor yang menjadikan generalisasi kajian

ini terhad. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan sampel pelajar UKM. Kebolehpakaian dapatan ini terhad kepada UKM dimana mahasiswanya mempunyai nilai kongsi yang boleh menjurus kepada dapatan yang berat sebelah. Oleh itu, kajian hadapan dicadangkan dengan menggunakan sampel yang lebih besar dengan melibatkan beberapa universiti yang berlainan taraf, sebagai contoh, universiti awam dan swasta.

Selain itu, sampel melibatkan mahasiswa pra-siswazah yang kurang pendedahan terhadap penghidupan seorang yang bekerjaya. Pengetahuan yang terhad juga boleh menyumbang kepada dapatan yang berbeza dan hujah yang berbeza. Kajian seterusnya disarankan untuk melihat perbezaan faktor pemilihan kerjaya dikalangan mahasiswa pra-siswazah dan siswazah untuk sampai kepada keputusan yang lebih holistik dan sah dalam menyumbang kepada teori pemilihan kerjaya.

RUJUKAN

- Carpenter, P, and Bill Foster. 1977. "The Career Decisions of Student Teachers." *Educational Research and Perspectives* 4 (1): 23-33.
- Correll, Shelley J. 2001. "Gender and the Career Choice Process: The Role of Biased Self-Assessments." *American Journal of Sociology* 106 (6): 1691-1730.
- Felton, Sandra, Nola Buhr, and Margot Northey. 1994. "Factors Influencing the Business Student's Choice of a Career in Chartered Accountancy." *Issues in Accounting Education* 9 (1): 131-141.
- Fouad, Nadya A, and Angela M Byars-Winston. 2005. "Cultural Context of Career Choice: Meta-Analysis of Race/Ethnicity Differences." *The Career Development Quarterly* 53 (3): 223-33.
- Hackett, Gail, and E Betz, Nancy. 1995. "Self-Efficacy in Career Choice and Develoment." In *Bandura, A. (Ed.), Self-Efficacy in Changing Societies*, Cambridge University Press, Cambridge, UK, pp.232-258.
- Hair, Joseph F, William C Black, Barry J Babin, and Rolph E Anderson. 2014. *Multivariate Data Analysis*. Pearson Education Limited.
- Kusluvan, Salih, and Zeynep Kusluvan. 2000. "Perceptions and Attitudes of Undergraduate Tourism Students towards Working in the Tourism Industry in Turkey." *Tourism Management* 21 (3): 251-69.
- Lichtenstein, Gary, Heidi Loshbaugh, Brittany Claar, Helen Chen, Kristyn Jackson, and Sherri Sheppard. 2009. "An Engineering Degree Does Not (Necessarily) an Engineer Make: Career Decision Making Among Undergraduate Engineering Majors." *Journal of Engineering of Engineering Education* 98 (3): 227-34.
- O'Connor, James P, and John F Kinnane. 1961. "A Factor Analysis of Work Values." *Journal of Counseling Psychology* 8: 263-267.
- Paolillo, Joseph G P, and Ralph W Estes. 1982. "An Empirical Analysis of Career Choice Factors among Accountants, Attorneys, Engineers, and Physicians." *The Accounting Review* 57 (4): 785-93.
- Richardson, Scott. 2009. "Undergraduates' Perceptions of Tourism and Hospitality as a Career Choice." *International Journal of Hospitality Management* 28 (3): 382-88.
- Scott, a. B., and K. D. Ciani. 2008. "Effects of an Undergraduate Career Class on Men's and Women's Career Decision-Making Self-Efficacy and Vocational Identity." *Journal of Career Development* 34: 263-85.
- Skatova, Anya, and Eamonn Ferguson. 2014. "Why Do Different People Choose Different University Degrees? Motivation and the Choice of Degree." *Frontiers in Psychology* 5: 1-15.
- Wilson, Fiona, Jill Kickul, and Deborah Marlino. 2007. "Gender, Entrepreneurial Self-Efficacy, and Entrepreneurial Career Intentions: Implications for Entrepreneurship Education." *Entrepreneurship: Theory and Practice* 31 (3): 387-406.
- Mohd Helmi Ali (Dr.)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Malaysia
E-mel: mohdhelmiali@ukm.edu.my
- Azman Ismail (Prof. Madya. Dr.)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Malaysia
E-mel: azisma08@gmail.com
- Norhidayah Suleiman (Dr.)
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan,
Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia
E-mel: su_hidayah@upm.edu.my
- Mohammad Azrul Tajuddin
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Malaysia
E-mel: mohdazrul@felcra.com.my